

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL
BIL. 5/2005

Tarikh : 21 Disember 2005
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Perpustakaan UKM, Bangi

Yang Hadir

Putri Saniah Megat Abd. Rahman (<i>Pengerusi</i>)	(kpustaka@pkrisc.cc.ukm.my)
Aishah Mohd Nasir : KUSTEM	(amn@kustem.edu.my)
Che Salmah Mehamood : UMS	(csmehamod@ums.edu.my)
Faridah Hj. Md. Amin : KUTKM	(faridah@kutkm.edu.my)
Hani Liza Norfin : UiTM (<i>wakil</i>)	(hani@salam.uitm.edu.my)
Hawa Abdul Majid : UPM	(ham@lib.upm.edu.my)
Korina Ibrahim : UNIMAS	(rin@cais.unimas.my)
Mariati Embong : UKM	
Md. Yazid Muji : UNITEN	(yazidm@uniten.edu.my)
Nazatul Shima Barozi (KUKTEM)	
Rapeeah Ahmad : USM	(RA@notes.usm.my)
Shamsudin Ibrahim : UKM	(sham_ib@pkrisc.cc.ukm.my)
Sharipah Hanom Bidin : OUM	(sharipah@oum.edu.my)
Siti Khabshah Masrom : MMU	(khabshah@mmu.edu.my)
Siti Razimah Mohd Noor : UPM	
Tusiman Mingun : UKM	(tus@pkrisc.cc.ukm.my)
Zaila Idris : UM (<i>wakil</i>)	
Hafsa Mohd : UKM (<i>Setiausaha</i>)	(hafsa@pkrisc.cc.ukm.my)

Tidak Hadir Dengan Kenyataan

Anuar Talib : UTM	(anuar@mel.psz.utm.my)
Foyziah Ahmad Nasuruddin : KUKUM	(lbfan@kukum.edu.my)
Haslinda Hj. Kassim : PNM	(bru@pnm.my)
Jasmin Jaimon : KUIM	(jasmin@admin.kuim.edu.my)
Katrun Nada Hashim : MINT	(katrunada@mint.gov.my)
Khadijah Ibrahim : MARDI	(khadijah@mardi.my)
Maimunah Kadir : HUKM	(mai@mail.hukm.ukm.my)
Mohamad Zaki Mohd. Isa : FRIM	(zaki@frim.gov.my)
Mohamed Zaid Mohamed Idris : UPSI	(zaididris@upsi.edu.my)
Mohammed Ariff Ahmad : MPOB	(ariff@mpob.gov.my)
Noraini Mukhtar : UIAM	(mnoraini@iiu.edu.my)
Nordiah Hj. Musa : KUITTHO	(nordiah@kuittho.edu.my)
Rabiatal Ahya Mohd. Shariff : UTP	(rabiatulahya_msharif@petronas.com.my)
Saniah Hj. Armia : IKIM	(saniah@ikim.gov.my)
Shukra Shuib : UUM	(shukra@uum.edu.my)

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pengurus mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatiyah.
- 1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:
 - Senarai Induk Jurnal
 - Isu langganan PDK ScienceDirect
 - Hal-hal berbangkit
 - Hal-hal lain

2.0 MENGE SAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 4 /2005

Minit Mesyuarat Bil. 4/2005 disahkan dengan pindaan berikut:

2.1 Di muka surat 4, tambah:

- 4.7 Wakil UM telah bersetuju untuk menyelaraskan judul-judul *core collection* ScienceDirect bagi setiap institusi. Oleh itu setiap institusi yang melanggan *core collection* ScienceDirect perlu menghantarkan senarai judul jurnal tersebut berserta dengan harga setiap judul.

2.2 Di muka surat 4, hal 5.3a tukar ayat terakhir kepada:

Setakat ini Emerald Management Xtra telah dilanggan oleh OUM.

3.0 SENARAI INDUK JURNAL

- 3.1 Wakil KUKTEM memaklumkan bahawa setakat ini rekod yang paling banyak ialah dari KUKTEM dan UMS. Senarai ID dan kata laluan bagi semua institusi yang terlibat telah diedarkan.
- 3.2 Wakil UKM memaklumkan bahawa UKM telah memasukkan beberapa rekod sebelum ini tetapi telah terpadam oleh kerana pertukaran format dalam pangkalan data SIJ. Buat masa ini UKM menghadapi masalah untuk mengemaskini rekod.
- 3.3 Wakil KUKTEM tidak dapat menunjukkan demo secara terperinci oleh kerana terdapat masalah dalaman sistem. Penambahbaikan berikut akan dilaksanakan:
 - a. Tambahan tag Judul supaya *parallel, additional, and abbreviated titles* boleh dimasukkan sekali;
 - b. Pencarian boleh dibuat untuk semua rekod yang telah dimasukkan dan pencarian juga boleh dibuat melalui nama *Corporate Body*;
 - c. Pembetulan di tag *Holding*: kesilapan ejaan *Quarterly* dan kekerapannya ditukar kepada 4 bulan sekali.

- 3.4 Wakil KUKTEM bercadang untuk mengadakan bengkel SIJ pada bulan Januari 2006. Institusi terlibat digalakkan untuk memasukkan lebih banyak rekod dan memaklumkan kepada pihak KUKTEM sekiranya menghadapi sebarang masalah.

Tindakan: Wakil KUKTEM & institusi terlibat

4.0 ISU LANGGANAN SCIENCEDIRECT

- 4.1 Pihak ScienceDirect telah menghantar semula *ScienceDirect Subscription 2006 Renewal Proposal* kepada semua institusi yang terlibat. Pindaan telah dibuat bagi Section 4 dan Section 7.8.
- 4.2 Wakil UM memaklumkan bahawa beberapa institusi telah menghantarkan senarai judul *core collection* mereka.
- 4.3 Wakil OUM memaklumkan bahawa pihak ScienceDirect telah memberikan tempoh percubaan selama satu bulan untuk mengakses *Freedom Collection*. OUM masih dalam pertimbangan sama ada akan melanggan ScienceDirect atau tidak.
- 4.4 Wakil MMU memaklumkan terdapat kenaikan harga melebihi 10% bagi beberapa judul jurnal dalam ScienceDirect. Hal ini telah dimajukan kepada pihak ScienceDirect dan telah mendapat maklumbalas dalam masa 10 hari.
- 4.5 Wakil UPM mendapati ada kos langganan beberapa judul jurnal dalam ScienceDirect berlainan bagi setiap institusi.
- 4.6 Mesyuarat bersetuju supaya setiap PDK yang mahal dianalisa secara terperinci dari segi struktur harga, surat perjanjian, dan statistik penggunaan. Sebagai projek pertama, wakil USM telah dilantik untuk menyelaras penganalisaan PDK ScienceDirect. Penyelaras PDK yang lain akan ditentukan kemudian.

Tindakan: Wakil USM

5.0 HAL-HAL LAIN

- 5.1 Konsortium – COMLIB

Puan Sharipah (Wakil OUM) memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pihak METEOR telah meneliti kertas kerja konsortium. Costing akan ditetapkan pada awal tahun depan.

5.2 PDK langganan secara konsortium:

- a. Wakil MMU telah menghubungi wakil Emerald bagi menerangkan hal berkaitan *distance learning packages*. Beliau masih menunggu maklum balas dari wakil Emerald.
 - b. Institusi yang melanggan SpringerLink perlu meneliti cadangan baru kos langganan mengikut bidang perkara. Cadangan ini didapati lebih mahal dari yang asal sekiranya institusi memilih untuk melanggan lebih dari satu bidang perkara. Mesyuarat bersetuju supaya setiap institusi membuat keputusan sendiri sama ada ingin terus melanggan PDK Springerlink berdasarkan statistik penggunaan.
- 5.3 Mesyuarat bersetuju untuk memohon pihak penerbit (melalui Access Dunia) supaya tidak menaikkan kos langganan LNCS. Pemantauan statistik penggunaan perlu dilakukan oleh setiap institusi yang melanggan.

Tindakan: Sekretariat JK PDK

- 5.4 Wakil UNIMAS mencadangkan supaya PDK Ebscohost ASP dilanggan secara konsortium memandangkan terdapat beberapa institusi yang melanggan PDK tersebut.
- 5.5 Wakil UM memaklumkan bahawa terdapat banyak pertindihan judul dalam PDK ABI Inform dan Ebscohost BSP. Bilangan judul jurnal dalam Ebscohost BSP adalah lebih banyak dari ABI Inform sedangkan kos ABI Inform lebih mahal.
- 5.6 Mesyuarat bersetuju untuk melihat kemungkinan beberapa judul dalam Ebscohost dilanggan secara pakej. Contohnya: Pakej Ebscohost BSP dan Ebscohost ASP. Wakil OUM memaklumkan kos langganan bagi kedua-dua PDK tersebut ialah USD38,000.

Tindakan: Sekretariat JK PDK

- 5.7 Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat masalah untuk mendapatkan statistik penggunaan PDK Lexis-Nexis. Oleh itu mesyuarat bersetuju untuk menjemput wakil PDK tersebut iaitu MLJ untuk hadir ke Mesyuarat JK PDK yang akan datang.

Tindakan: Sekretariat JK PDK

- 5.8 Perbincangan dengan wakil ScienceDirect telah diadakan. Di antara hal-hal yang dipersetujui adalah:
- a. Tarikh akhir surat perjanjian ScienceDirect ditandatangani dilewatkan seminggu dari tarikh sebenar (15/12/05).
 - b. Pihak ScienceDirect akan memajukan kertas cadangan kos konsortium pakej ScienceDirect dan Scopus.

- c. Kos *Freedom Collection* telah dibuat semakan semula dan terdapat sedikit perbezaan harga dari yang asal.
- d. Persembahan *powerpoint* berkaitan kos *Freedom Collection* adalah seperti di Lampiran 1.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

*Perpustakaan Tun Seri Lanang
UKM Bangi*

Bertarikh : 23/12/2005

HM/fmn

CDC Meeting: Freedom Collection

Presented by: JO-AN CHIA, Account Manager
Email : jo.chia@elsevier.com



Agenda

- Freedom Collection: what is it
- Usage on Freedom Collection
- Freedom Collection: how do we calculate
- Freedom Collection in Malaysia
- Solution

1,800 Journals represent 25%


Market Share of World Articles: Publisher:	2003	2004 by
Elsevier	24.6%	25.4%
Springer (inc KAP)	8.3%	7.7%
Blackwell	4.9%	5.3%
Wiley	4.5%	4.6%
American Chemical Society	3.0%	3.0%
Taylor & Francis	3.2%	3.0%
Wolters Kluwer	2.9%	2.7%
American Institute of Physics	2.2%	2.8%
American Physical Society	1.7%	1.7%
IEEE	1.8%	1.9%

Breakdown of Publishers by Type 2003



5 |


Total Usage in Malaysia: 2004 - 2005




6 |

Usage Subscribed vs Unsubscribed

Year 2004



Year 2005



Freedom Collection : How We Calculate

Total Elsevier Portfolio 2005	US\$2,500,000
University Subscriptions 2005	US\$500,000
TOTAL UNSUBSCRIBED JOURNALS	US\$2,000,000

Total Elsevier Portfolio 2005	1,800 journals
University Subscriptions 2005	100 journals
TOTAL UNSUBSCRIBED JOURNALS	1,700 journals



Freedom Collection : PRICE

UNSUBSCRIBED JOURNALS : US\$2,000,000

Standard Pricing Model

Large – 7.5%	US\$150,000
Medium – 5.0%	US\$100,000
Small – 3.5%	US\$70,000



Example 2005 : UKM


Total Elsevier Portfolio 2005	US\$2,500,000
UKM Subscriptions 2005	US\$594,196
TOTAL UNSUBSCRIBED JOURNALS	US\$1,905,804

Total Elsevier Portfolio 2005	1,800 journals
UKM Subscriptions 2005	246 journals
TOTAL UNSUBSCRIBED JOURNALS	1,554 journals




Usage UKM

Year 2004



Year 2005



Jan – Oct 2005

Non Subscribed	173,809
Subscribed	231,594
Total	405,403

Non Subscribed	332,569
Subscribed	110,857
Total	443,426



Example 2005 : UKM

UNSUBSCRIBED JOURNALS : US\$1,905,804

Large – 7.5%	US\$142,935
Actual Freedom Collection Price	US\$73,850
Difference (discount)	US\$69,085



Current Situation: 2006

	List Price	Actual Price	Difference	Size
UKM	US\$140,484	\$77,912	US\$62,572	Large
UPM	US\$144,593	\$76,624	US\$68,158	Large
UiTM	US\$76,068	\$43,721	US\$32,347	Small
UM	US\$106,092	\$62,269	US\$43,823	Medium

13 |



New Proposal

	List Price %	Current %	New %	US\$ Discount
UKM	7.5%	4.1%	4.0%	(US\$2,987)
UPM	7.5%	3.9%	4.0%	US\$492
UiTM	3.5%	2.0%	2.0%	(US\$254)
UM	5.0%	2.9%	3.0%	US\$1,386

14 |

